

Tatabahasa

Betulkan kesalahan penggunaan penjodoh bilangan yang bergaris dalam petikan. Tulis penjodoh bilangan yang betul pada ruang yang disediakan.

SP 5.6.1

“Nisa geram sungguh pada abang, ibu,” ujar Nisa sambil meletakkan selembar majalah di atas meja.

“Tidak baik kamu berkata begitu, Nisa,” nasihat ibu sambil menghulurkan segelas air sejuk kepada Nisa.

Nisa menyambut gelas itu lalu bersila di atas sebuah permaidani di ruang tamu rumahnya. Dia menjamah seulas kek pisang yang dibuat oleh ibunya.

Nisa mempunyai seketul abang sahaja. Namun, abangnya suka mengongkong gerak-gerinya. Abangnya tidak tahu bahawa dia pulang lewat dari sekolah kerana mengulang kaji pelajaran.

Selesai makan, Nisa masuk ke biliknya. Dia mencapai sekeping tuala lalu melangkah ke bilik air.

Tiba-tiba langkahnya terhenti. Dia terpandang sebentuk pen dan sehelai kad ucapan yang diberikan oleh abangnya sempena hari lahirnya pada tahun lepas. Hati Nisa sebak.

Tiba-tiba, pintu bilik Nisa diketuk oleh seseorang dari luar. Nisa membuka pintu biliknya. Abangnya berdiri di depan pintu biliknya sambil memegang sebiju kucing.

“Maafi abang kerana menyimpan prasangka terhadap kamu,” ujar abang.

Nisa berasa terharu lalu memeluk abangnya.

1 selembar

2 sebuah

3 seulas

4 seketul

5 sekeping

6 sebentuk

7 sehelai

8 sebiju

Nota Tatabahasa

Penjodoh Bilangan

Digunakan untuk membilang benda, binatang, orang, dan tempat.

Contoh penjodoh bilangan:

- **batang** – membilang benda yang panjang dan keras (contoh: *pen, pokok, tongkat*)
- **buah** – membilang buah-buahan atau benda yang bulat dan kecil (contoh: *bola, guli, mangga*)
- **bidang** – membilang benda yang luas, lebar, dan rata (contoh: *permaidani, tanah, tilar*)
- **buah** – membilang benda yang besar dan padu (contoh: *basikal, buku, kereta*)
- **helai** – membilang benda yang panjang, nipis, dan lebar (contoh: *daun, kain, tuala*)
- **keping** – membilang benda yang lebar, nipis, leper, dan rata (contoh: *gambar, kad, papan*)
- **lembar** – membilang benda yang panjang dan halus (contoh: *benang, rambut, tali*)
- **naskhah** – membilang bahan bacaan (contoh: *buku, majalah, surat khabar*)
- **orang** – membilang manusia (contoh: *abang, guru, polis*)
- **potong** – membilang benda yang telah dipotong (contoh: *daging, kek, kuih*)
- **ulas** – membilang isi buah-buahan (contoh: *cempedak, durian, nangka*)